

IRSYAD AL-HADITH SIRI KE-394: LARANGAN KETIKA BERDOA

Soalan: Apakah terdapat larangan daripada Nabi SAW ketika berdoa?

Jawapan :

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga baginda SAW, sahabat baginda SAW serta orang-orang yang mengikuti jejak langkah baginda SAW.

Kita sebagai seorang yang beriman perlulah sentiasa berdoa kepada Allah SWT kerana insan ini sifatnya lemah dan sentiasa mengharapkan kepada sang Penciptanya dalam setiap keadaan dan masa. Justeru itu, banyak doa-doa yang diajar oleh Rasulullah SAW kepada kita untuk digunakan dalam kehidupan seharian kita. Allah SWT juga menyeru kita agar sentiasa berdoa kepada-Nya melalui firman-Nya:

???????? ?????????? ?????????? ?????????? ????????

al-Ghafir: 60

Maksudnya: “Dan Tuhan kamu berfirman: Berdoalah kamu kepada-Ku, nescaya Aku perkenankan doa (permohonan) kamu.”

Berdasarkan kepada soalan di atas, terdapat sebuah hadith yang menceritakan berkaitan larangan Nabi SAW ketika berdoa kepada Allah SWT iaitu:

- Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

??? ?????????? ??????????: ?????????? ?????????? ??? ????? ?????????? ?????????????? ?????????????? ?????
????????? ?????????????? ?????????????????? ?????????????? ??? ?????????? ?????

Maksudnya: “Janganlah seseorang kamu berkata: Ya Allah Ya Tuhan kami, ampunilah aku sekiranya Engkau mahu, Ya Allah Ya Tuhan kami, kasihanilah aku sekiranya Engkau mahu. Akan tetapi hendaklah dia berusaha bersungguh-sungguh dalam meminta kerana sesungguhnya Allah sama sekali tidak ada yang memaksa.” [Riwayat al-Bukhari (6339) dan Muslim (2679)]

Hadith ini jelas menunjukkan kepada kita larangan berdoa dalam keadaan tidak yakin. Imam Ibn Abd al-Bar menyatakan tidak dibenarkan seseorang itu berdoa dengan lafaz tersebut dalam memohon kepada Allah berkaitan hal agama dan dunia dan itu termasuk di dalam ucapan yang mustahil. Adapun Imam al-Nawawi menyatakan hukum bagi orang yang berdoa sedemikian adalah makruh tanzih. Selain itu, hadith ini juga menunjukkan bahawa seseorang itu perlu bersungguh-sungguh dalam berdoa serta dalam masa yang sama mengharapkan agar Allah SWT menerima doanya dan janganlah ada rasa putus asa dengan rahmat Allah kerana dia sedang berdoa dengan Yang Maha Pemurah sebagaimana yang dikatakan oleh Imam Ibn Batthal. **[Lihat: Fath al-Bari, 11/140]**

Penutup

Kesimpulannya, seseorang itu perlu ada kesungguhan dalam berdoa kepada Allah SWT. Di samping itu, sifat yakin bahawa Allah SWT akan menjawab segala doa yang telah kita panjatkan kepada-Nya cuma cara Allah SWT menerima doanya adalah dengan pelbagai cara sebagaimana yang telah kami jelaskan dalam artikel sebelum daripada ini. Ini kerana, keyakinan amat perlu dalam berdoa kepada Allah SWT:

- Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

??????? ??????? ??????????? ??????????? ????????????????

Maksudnya: “Doalah kamu kepada Allah dan hendaklah kamu yakin bahawa Allah SWT akan memustajabkannya.” [Riwayat al-Tirmizi (3479)][Imam al-Nawawi menilai sanad hadith ini adalah dhaif]

Tambahan pula, sifat baik sangka dengan Allah SWT adalah amat penting dalam berdoa. Akhirnya, semoga Allah SWT menggolongkan kita daripada kalangan hamba-hamba-Nya yang doanya mustajab. Amin.

Wallahua'lam

Source: IRSYAD AL-HADITH